



SEBAHAGIAN penunggang motosikal yang diperiksa polis kerana disyaki terbabat dengan aktiviti lumba haram di persimpangan lampu isyarat Kepala Batas, Alor Setar. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

203 kena tangkap!

Merempit dengan jadikan jalan persimpangan lampu isyarat Kepala Batas sebagai litar lumba

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Sampai bila mahu merempit dan menyusahkan orang?

Pelbagai tindakan serta program sudah dibuat untuk menyedarkan mat rempit, khususnya mat rempit remaja, namun ia tetap tidak berhasil dan semalam, 203 individu ditahan selepas menjadikan jalan persimpangan lampu isyarat Kepala Batas di sini, sebagai litar untuk berlumba.

Ketua Polis Daerah Kota Setar Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir berkata, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar mengadakan operasi Op Sam-

seng Jalanan di sekitar kawasan itu bermula jam 12 tengah malam kelmarin, hingga jam 7 pagi semalam.

"Kami memeriksa 143 motosikal dan 203 pembonceng serta penunggang. Daripada jumlah itu, lapan daripadanya adalah remaja perempuan manakala selebihnya lelaki berusia 15 hingga 30-an.

"Sebanyak 295 saman dikeluarkan di atas pelbagai kesalahan termasuk mengubah suai motosikal, menunggang di bawah umur serta tidak memiliki lesen.

"Kami turut menyita 22 motosikal yang ditinggalkan ketika pemeriksaan dilakukan. Kita akan kekal pasti pe-

miliknya serta memanggil ibu bapa masing-masing dan mengeluarkan saman kepada pemilik motosikal berkenaan," katanya ditemui di Balai Polis Kepala Batas sejurus operasi.

Hadir sama Timbalannya, Superintendan Mohd Asri Shafie dan Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar Deputy Superintendan Haji Zul Azizan.

Ahmad Shukri berkata, 30 yang ditahan adalah pelajar dan tidak memiliki lesen menunggang motosikal.

Beliau berkata, kebanyakan yang ditahan

menetap di sekitar daerah ini namun ada yang datang dari Pokok Sena manakala yang paling jauh dari Kangar, Perlis dan mungkin pulang bercuti.

Katanya, semua yang ditahan kemudian dibebaskan selepas ibu bapa mereka hadir menjemput anak masing-masing di perkarangan Balai Polis Kepala Batas.

"Saya ingin mengingatkan ibu bapa supaya sentiasa memantau aktiviti anak dan jangan membiarkan mereka merayau sehingga awal pagi bagi mengelakkan mereka terjebak dengan aktiviti tidak bermoral. Perhatikan anak masing-masing dan jangan biarkan mereka berada di luar sekitar jam 2 atau 3 pagi yang boleh menyebabkan mereka terjebak kegiatan seperti ini, terutama menjelang musim perayaan," katanya.

Sebanyak 295 saman dikeluarkan di atas pelbagai kesalahan